

**Sultan Brunei adakan lawatan rasmi ke Malaysia dua hari mulai esok**  
**Utusan Online**  
**02 September, 2012**

PUTRAJAYA 1 Sept. - Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah akan berangkat ke Malaysia untuk mengadakan lawatan rasmi selama dua hari bermula Isnin ini.

Baginda yang berangkat sempena Rundingan Tahunan Ke-16 Pemimpin-pemimpin Malaysia dan Brunei akan disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di sini.

Menurut kenyataan Kementerian Luar, pertemuan tersebut merupakan acara terpenting dalam kalendar tahunan kedua-dua negara bagi membincangkan pelbagai isu yang menyentuh mengenai kepentingan bersama.

"Bertitik tolak daripada hubungan istimewa yang telah sekian lama terjalin melalui persamaan warisan dan budaya, kedua-dua negara kini berada pada landasan tepat ke arah membina usaha sama dan perkongsian yang lebih menyeluruh.

"Beberapa perjanjian dan memorandum persefahaman berhubung kerjasama dalam bidang ekonomi, tenaga dan keselamatan makanan serta kerjasama sosial telah ditandatangani dan sedang dilaksanakan," jelas kenyataan itu.

Kedua-dua pemimpin akan mengambil peluang semasa lawatan tersebut untuk menilai kemajuan bersama yang sedang berjalan di samping meneroka potensi-potensi baru.

Ia bertujuan meningkatkan hubungan dan kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada rakyat kedua-dua negara dan satu kenyataan bersama akan dikeluarkan selepas rundingan tersebut selesai.

Kenyataan itu memberitahu, sempena lawatan itu Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor akan turut meraikan baginda dalam satu majlis santapan tengah hari di kediaman rasmi Perdana Menteri di Seri Perdana.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120902/dn\\_03/Sultan-Brunei--adakan-lawatan-rasmi-ke-Malaysia-dua-hari-mulai-esok](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120902/dn_03/Sultan-Brunei--adakan-lawatan-rasmi-ke-Malaysia-dua-hari-mulai-esok)